

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 4 TAHUN 2024**

**Tarikh** : 29 April 2024 (Isnin)  
**Masa** : 2.30 petang – 4.00 petang  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2  
Bangunan MBSJ  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN APRIL 2024**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan April 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

- ii) Seterusnya amanat YAB Perdana Menteri semasa Majlis Townhall Lebaran Aidilfitri bersama Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) pada 25 April 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). YAB Perdana Menteri telah menegaskan supaya penjawat awam perlu memperkukuhkan pemahaman, tindakan dan penambahbaikan dalam pelbagai aspek terutama dari segi tatakelola di semua peringkat jawatan pegawai. Penjawat awam yang malas dan memaparkan prestasi lemah, tidak harus diberikan kenaikan pangkat atau menerima pengiktirafan.
  
- iii) Seterusnya Datuk Bandar menzahirkan syukur kerana MBSJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Selangor yang melaksanakan 'Whatsapp Biz MBSJ' yang menyediakan platform interaktif komunikasi secara 'live' antara MBSJ dan komuniti bandar raya.

MBSJ yakin melalui perkhidmatan 'WhatsApp Biz MBSJ' yang telah dilancarkan pada 25 April 2024 semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MBSJ akan membantu meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada komuniti bandaraya sekaligus memberikan impak yang positif kepada pengguna dari segi masa, tenaga, kewangan dan alam sekitar. Para pengguna boleh menggunakan perkhidmatan ini melalui nombor 03 8026 3100 pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam.

- v) Datuk Bandar berkongsi kejayaan MBSJ dalam Kejohanan Futsal MAKSAK Kebangsaan yang berlangsung pada 25 hingga 27 April. Pihak MBSJ telah diberi mandat sekali lagi sebagai pengurus bagi pasukan futsal Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) Selangor.

Pada kejohanan tersebut pasukan futsal lelaki MAKSAK Selangor telah mengekalkan kejuaraan untuk kali ke-7 berturut-turut dengan menewaskan pasukan MAKSAK Johor 3 - 1 pada perlawanan akhir. Manakala bagi kategori wanita pula, pasukan futsal MAKSAK Selangor berjaya memperolehi tempat ke-3 setelah tewas tendangan penalti 3-1 kepada pasukan MAKSAK Sabah di peringkat separuh akhir.

Selain daripada menjadi juara kejohanan, pasukan lelaki MAKSAK Selangor juga turut merangkul 4 anugerah iaitu Anugerah Pemain Terbaik, Anugerah Pemain Harapan, Anugerah Penjaring Gol Terbanyak dan Anugerah Penjaga Gol Terbaik. Pasukan wanita MAKSAK Selangor pula membawa pulang *Piala Fair Play*.

MBSJ mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan MBSJ yang mewakili pasukan MAKSAK Selangor dalam kejohanan tersebut.

Jabatan Kesihatan MBSJ dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling sentiasa berganding bahu dalam menjalankan kawalan dan pencegahan demam denggi di kawasan pentadbiran MBSJ.

Penduduk juga dinasihatkan melakukan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat.

- vii) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga kerja dan pihak pengurusan MBSJ yang akan disambut pada 1 Mei 2024, hari Rabu ini.

Tanggal 1 Mei setiap tahun merupakan tarikh yang amat sinonim dan bermakna bagi kesemua pekerja di Malaysia kerana ianya merupakan cuti khas bagi golongan pekerja. Tidak kiralah kita sebagai pekerja di sektor awam, sektor swasta mahupun bekerja sendiri, kita tetap menjadi faktor penyumbang kepada kemajuan negara.

Tema Hari Pekerja Tahun 2024 ialah **"PEKERJA KESUMA BANGSA"**. Pemilihan tema ini adalah seiring dengan inisiatif

## 5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2024

Maklum balas Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 26 Mac 2024 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

## 6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

### 6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 16 April 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat   | Ahli Majlis                     | Perkara  | Cadangan  |
|-----|------------------|---------------------------------|--|---|
| 1.  | Para 6.2 & m/s 6 | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | Cadangan Menjadikan Padang Bola Milik Majlis Bandaraya Subang Jaya Sebagai Padang Angkat kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) | Beliau memohon supaya diminitkan lokasi padang bola yang dijadikan padang angkat kepada MPP.<br><br><b>Maklum balas mesyuarat :</b><br><br>Mesyuarat meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan   |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
|     |                |             |         | <p>setia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam mengundang pihak KUSEL bagi memberikan taklimat dan penerangan lanjut dalam mesyuarat akan datang.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :<br/>Jabatan Kejuruteraan</b></p> |

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 27 Mac 2024**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

| Bil | Para & M/Surat     | Ahli Majlis                   | Perkara  | Cadangan  |
|-----|--------------------|-------------------------------|--|---|
|     |                    |                               | Darul Iman   | <p>dalam dalam Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) serta dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MBSJ. Pemilihan lokasi Kuala Terengganu disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada warga kerja kerana MBSJ tiada rumah peranginan di kawasan Pantai Timur.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p> |
| 2.  | Para 5.13 & m/s 17 | Encik Thamilarusu a/ Sandayan | Permohonan Peruntukan Hadiah bagi Kategori Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ tahun 2024 | <p>Beliau memohon penjelasan berkenaan Anugerah MPP Aedes Buster MBSJ Terbaik 2024 kerana tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis telah menjenamakan nama Anugerah Inden Terbaik 2024</p>                           |

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar  
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 23 April  
2024**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan  
Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.  
3/2024 bertarikh 23 April 2024**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| <b>Bil</b> | <b>Para &amp;<br/>M/Surat</b> | <b>Ahli Majlis</b>                                     | <b>Perkara</b>   | <b>Cadangan</b>   |
|------------|-------------------------------|--|--|---|
| 1.         | Para 5.3 &<br>m/s 9           | Tuan Ar.<br>Kamarul<br>Hisham bin<br>Hj.Yeop<br>Hashim | Cadangan<br>Penyertaan<br>dalam<br>Pertandingan<br>Laman Pihak<br>Berkuasa<br>Tempatan<br>sempena Hari<br>Landskap | Beliau mengucapkan tahniah kepada MBSJ di atas penyertaan dalam pertandingan ini dan mencadangkan supaya Majlis menitik beratkan aspek keselamatan kepada pengunjung serta mengetengahkan |



**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima pembentangan penyata kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

**Makluman**

**7.2 Kertas Cadangan Mesyuarat Jawatankuasa dan Pengerusi Majlis Perwakilam Penduduk (MPP) MBSJ bagi Ahli Majlis Baharu, Encik Nanthakumar a/l Poapalan dan Puan Sri Devi a/p Chenchiah  
(Kertas Mesyuarat Bil. 6/4/2024)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan Mesyuarat Jawatankuasa dan Pengerusi Majlis Perwakilam Penduduk (MPP) MBSJ bagi Ahli Majlis Baharu, Encik Nanthakumar a/l Poapalan dan Puan Sri Devi a/p Chenchiah seperti berikut :

| NAMA | SENARAI<br>JAWATANKUASA | ZON<br>MPP | KAWASAN MPP   |
|------|-------------------------|------------|---|
|      |                         |            | <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Taman USJ Heights</li><li>▪ Tropicana Metropark</li></ul> |

Pembayaran Elaun Tetap kepada 2 orang Ahli Majlis baharu bagi bulan April akan dibayar sebanyak RM 1,875.00. Bayaran sebanyak RM 625.00 dibayar kepada Ahli Majlis yang menanggung kerja MPP Zon 5 dan 6. Pembayaran penuh elaun tetap akan bermula Mei 2024.

**Tindakan :**  
**Jabatan Khidmat Pengurusan**

**7.3 Kertas Cadangan Pelantikan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) sebagai Penyelaras Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC) untuk Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Pasar Awam di Jalan Pasar SK10, Seri Kembangan, Daerah Petaling untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan  
(Kertas Mesyuarat Bil. 7/4/2024)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Kejuruteraan dan dibentangkan oleh Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari, Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan MBSJ.

| BIL                       | PERKARA  | JUMLAH               |
|---------------------------|--|----------------------|
|                           | Booklets<br>▪ Design Certificates, Booklets & Framing<br>▪ Printing of booklets- 500 pieces<br>c) PAM Website sub-domains<br>d) Photographer during jury's meeting<br>e) Contingencies |                      |
| Kos Hadiah Penyertaan     |  |                      |
| 3.                        | Wang Tunai<br>a) Tempat Pertama - RM 50,000.00<br>b) Tempat Kedua - RM 25,000.00<br>c) Tempat Ketiga - RM 15,000.00<br>d) Saguhati x 7 - RM 3,000.00                                   | RM 111,000.00        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>RM 161,000.00</b> |

Memorandum of Agreement (MoA) dan pelantikan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) sebagai penyelaras Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC) untuk pembangunan baru Pasar Awam SK10, Seri Kembangan, Selangor akan dilaksanakan.

**Tindakan :**  
**Jabatan Kejuruteraan**

## 8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Saidin bin Awang, wakil daripada Parti Amanah.

**LAMPIRAN**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S- Pengerusi  
Datuk Bandar
2. YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha  
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

**HADIR (AHLI MAJLIS)**

3. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu
4. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
5. Encik Chia Yew Ken - "
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Puan Ng Seow Chen - "
10. Encik Thong Kim Fatt - "
11. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
13. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "
14. Encik Tey Han Cherk - "

29. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
30. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
31. Puan Ts. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
32. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
33. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
34. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
35. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh  
Pengarah, Jabatan COB
36. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid  
Pengarah, Unit Audit Dalam
37. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
39. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
40. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
41. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan